



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

19 Oktober 2019

1. 2 Kontena Ayam sejuk beku tak diiktiraf sembelihan dirampas; Berita Harian

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Nasional	Muka Surat <input type="text" value="53"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input checked="" type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
19.10.2019			

2 kontena ayam sejuk beku tak diiktiraf sembelihan dirampas

Pelabuhan Klang: Diisytihar mengandungi mi wantan, sebaliknya dua kontena disumbat 51.78 tan ayam sejuk beku yang penyembelihannya tidak diiktiraf pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Produk dianggarkan bernilai RM818,508.60 diimport dari Brazil dan Poland menggunakan dua kontena itu dirampas pihak berkuasa di Pelabuhan Barat dalam satu operasi kira-kira jam 10 pagi, Isnin lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin, berkata siasatan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) mendapati pengimport terbabit menjalankan perniagaan barang makanan kering, mengisytiharkan ayam sejuk beku itu sebagai mi wantan bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

"Ayam sejuk beku berkenaan didapati daripada loji sembelih yang tidak diiktiraf DVS dan JAKIM, selain tiada Permit Im-

port MAQIS.

"MAQIS turut mengambil keterangan wakil syarikat dan ejennya untuk siasatan lanjut," katanya pada sidang media di MAQIS Pelabuhan Klang Barat, di sini, semalam.

Kesalahan dilakukan syarikat tempatan itu akan disiasat mengikut Seksyen (11) (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 dan Seksyen 15 akta sama.

Jika sabit kesalahan, pemilik syarikat boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Tze Tzin berkata, sekiranya mahkamah memerintahkan ayam itu dilupus, pihaknya menyerahkan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) untuk diberi makan kepada haiwan di zoo jika ia didapati tidak mudaharatkan.

Dalam pada itu, beliau berkata, sebanyak 645 rampasan makanan segar membabitkan nilai keseluruhan RM47 juta dilakukan se-



Tze Tzin (tengah) menunjukkan ayam sejuk beku dirampas MAQIS pada sidang media di Pelabuhan Klang Barat, semalam.

[Foto Saddam Yusoff/BH]

panjang tahun ini.

Katanya, MAQIS perlu sentiasa melakukan kawalan ketat kerana makanan tidak diiktiraf boleh memberi kesan terhadap kesihatan, selain umat Islam ter-

dedah kepada makanan tidak halal.

"Penyeludupan ini juga akan memberi kesan terhadap perkembangan bidang pertanian dan penternakan," katanya.